

SOMPO SME

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans SOMPO SME anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

Date: 31/12/2025

1 Apakah SOMPO SME?

SOMPO SME ialah Polisi pakej yang direka untuk Perniagaan PKS dengan jumlah diinsuranskan hartanah tidak melebihi RM50,000,000.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 1,653.80 (Pelan 1) setiap tahun**, anda akan menerima perlindungan berikut:

Polisi ini meliputi:	Polisi ini tidak termasuk
Bahagian 1(A) - Kebakaran/Peril Penuh/Perlindungan Tambahan – RM 400,000 Bahagian 2 - Wang Dalam Transit – RM 15,000 - Wang Dalam Premis – RM 15,000 - Jaminan Kesetiaan – RM 10,000 - Kaca – RM 10,000 - Liabiliti Awam – RM 500,000 - Liabiliti Majikan – RM 1,000,000 - Rompakan – RM 20,000 - Semua Risiko (Terhad) – RM 30,000 - Kemalangan Diri Kumpulan – RM 180,000 (RM 15,000 x 12 pax)	- Radioaktif - Klausa Pengecualian Risiko Tenaga Nuklear - Siber Harta dan Pengecualian Data
Dengan membayar premium tambahan, anda boleh mengembangkan perlindungan untuk memasukkan:	
Bahagian 1(B) – Keganasan (Pilihan) Keganasan	Bahagian 3 – Kelas Lain (Pilihan). Sila rujuk kepada Maklumat Produk Tambahan untuk butiran lanjut. - Kerugian Akibat Kebakaran - Peralatan - Kerosakan Jentera - Liabiliti Pengarah & Pengawai
Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.	

Notes:

- Sila imbas kod QR di bawah untuk mendapatkan senarai penuh perlindungan asas, pengecualian dan perlindungan tambahan di bawah pelan yang berbeza.
- Manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi yang layak adalah (adalah) dilindungi oleh PIDM sehingga had. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi Berjaya Sompo Insurance Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).
- Anda harus membaca dan memahami polisi insurans dan menghubungi ejen atau kami untuk menjelaskan sebarang keraguan sebelum membeli Polisi ini.
- Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan/peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklumkan di cawangan kami atau Pusat Khidmat Pelanggan.
- Sila rujuk kalkulator kos bangunan (BCC) PIAM untuk panduan menentukan jumlah anggaran yang akan diinsuranskan untuk hartanah kediaman, rumah kedai ringkas dan pejabat kedai. Anda boleh melayari laman web kami di www.berjayasompo.com.my atau laman web PIAM di www.piam.org.my untuk mengakses BCC.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans SOMPO SME anda, anda boleh:



Hubungi Khidmat Pelanggan kami dalam Malaysia (Toll-Free):
1-800-889-933
Luar negara: +603-2170 7300



Layari laman sesawang di
<https://www.berjayasompo.com.my/product/sompo-sme>



E-mel kami di:
customer@bsompo.com.my



Imbas Kod QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans SOMPO SME ini, anda hendaklah membayar premium sebanyak:

Perlindungan Standard - Pelan 1	RM 1,653.80 (setahun)
---------------------------------	------------------------------

(+) Perlindungan Tambahan – Pelan 1: Bahagian 1(B) - Keganasan	RM 119.00 (setahun)
(+) Duti Stem	RM 10.00
(+) Caj lain yang berkenaan (cukai perkhidmatan)	8% premium atau RM 141.82
(+) Komisen kepada pengantara insurans / (-) Rebat untuk saluran terus	15% premium atau RM 265.92
Jumlah premium anda harus bayar RM 1,924.62	

Nota:

i. **Bahagian 1 (A) – Kebakaran dan Bahagian 3 – Kelas Lain (Kehilangan Akibat Kebakaran)** - Jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berbeza bergantung pada jumlah diinsuranskan, pekerjaan atau jenis perniagaan, pembinaan bangunan, harta yang diinsuranskan, pengalaman tuntutan dan keperluan pengunderaitan kami.

ii. **Bahagian 1 (B) – Keganasan, Bahagian 2 – Pelbagai Pek Khas dan Bahagian 3 – Kelas Lain (Selain Kerugian Akibat Kebakaran)**
Caj premium adalah berdasarkan premium pakej mengikut pelan / jumlah diinsuranskan / had yang anda pilih.

1 Syarat Utama Lain

Kewajipan Pendedahan

Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam boring permohonan. Kegagalan berbuat demikian boleh mengakibatkan penolakan tuntutan anda atau pembatalan polisi anda.

Perubahan dalam Risiko

Anda mesti mendedahkan sebarang perubahan kepada fakta penting yang anda tahu atau patut tahu yang boleh menjejaskan profil risiko dari semasa ke semasa, jika anda gagal berbuat demikian, Polisi anda mungkin dibatalkan. Anda mesti memastikan bahawa borang cadangan dilengkapi dengan tepat kerana ia menjadi asas kepada kontrak insurans. Anda mesti memaklumkan kami secara bertulis mengenai sebarang perubahan penting dalam tempoh Polisi supaya pindaan yang diperlukan diendorskan kepada Polisi anda.

Lebihan / Boleh ditolak

Ini ialah amaun yang perlu anda tanggung sekiranya tuntutan berlaku (jika berkenaan).

Waranti Premium

Premium yang perlu dibayar harus dibayar dan diterima oleh kami dalam tempoh (60 hari) dari Tarikh permulaan perlindungan. Kegagalan untuk membayar premium dalam tempoh ini, boleh menyebabkan Polisi dibatalkan secara automatik. Kami berhak mendapat premium pro-rata untuk enam puluh (60) hari yang kami berikan perlindungan.

Bayaran Premium

Pembayaran boleh dibuat secara Tunai, Cek, Kad Debit, Kad Kredit atau Pembayaran Dalam Talian (yang mana berkenaan) kepada Berjaya Sampo Insurance Berhad. Sila simpan resit premium yang telah dibayar sebagai bukti pembayaran untuk rujukan masa hadapan.

Pembaharuan Polisi

Bergantung pada keadaan kerugian atau tuntutan yang dibuat semasa tempoh Polisi, kami boleh menyemak terma dan syarat Polisi selepas pembaharuan atau menolak pembaharuan.

Jumlah Diinsuranskan

Bahagian 1(A) – Kebakaran – Anda mesti memastikan bahawa harta anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dibuat pada harta anda. Anda boleh memilih untuk menginsuranskan harta anda pada asas Nilai Pasaran atau Nilai Pengembalian Semula:

- Nilai pasaran – kami akan membayar kos pembaikan harta benda yang rosak ditolak jumlah haus, lusuh dan susut nilai.
- Nilai Pengembalian Semula – kami akan membayar kos penuh untuk membaiki harta benda yang rosak tanpa sebarang potongan dibuat untuk haus, lusuh atau susut nilai, dengan syarat jumlah perlindungan adalah mencukupi untuk menampung jumlah kos mengembalikan semula harta tersebut.

Bahagian 1(B) – Keganasan, Seksyen 2 – Pelbagai Pek Khas dan Seksyen 3 – Kelas Lain (Selain Kerugian Akibat Kebakaran)

Anda boleh memilih jumlah diinsuranskan / had daripada pelan yang ada mengikut keperluan anda.

Bahagian 3 Kelas lain (Kerugian Akibat Kebakaran) - Jumlah yang diinsuranskan ialah amaun anggaran berdasarkan Untung Kasar/Hasil Kasar/Sewa Kasar tahun lepas (mana yang berkenaan) yang dilaporkan dalam penyata akaun, ditambah dengan unjuran keuntungan tahun semasa (jika ada). Jika jumlah sebenar yang diperoleh adalah kurang daripada anggaran jumlah diinsuranskan, premium pro-rata akan dikembalikan tetapi tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada premium sementara yang dibayar sebelum ini.

Tuntutan

Apabila berlaku kemalangan yang menimbulkan tuntutan, anda hendaklah memaklumkan kami secara bertulis dengan segera.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan Polisi anda dengan memberi kami notis bertulis. Selepas pembatalan, kami akan mengekalkan premium minimum RM75.00 atau *Kadar Tempoh Pendek Lazim yang mana lebih tinggi. Baki premium akan dikembalikan kepada anda. Walau bagaimanapun, premium tidak akan dikembalikan jika terdapat tuntutan yang dibayar atau diserahkan kepada kami semasa tempoh Polisi. (*Sila imbas kod QR di halaman 1 untuk jadual Kadar Tempoh Pendek Lazim)

Lain-lain jenis produk Insurans Am yang serupa tersedia?

Insurans Kebakaran dan Kebakaran SOMPO. Sila layari www.berjaysampo.com.my untuk maklumat lanjut.

Berjaya Sampo Insurance Berhad dlesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.